KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	22.04.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPSM			



KUCING bata yang berjaya dirakam kamupalan penyelidik SACF dalam Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah, Shah Alam, Selangor. – IHSAN SACF



DAM penyelidik menanam kamera pada sebatang pokok bagi merakamkan haiwan dalam Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah, Shah Alam. Selain haiwan liar hutan tersebut juga kaya dengan pelbagai tumbuhan berharga.

Penyelidik menemukan lebih 400 spesies tumbuhan, 19 spesies haiwan

Bukit Cerakah kaya khazanah rimba

Oleh MOHAMAD ATHOS ISMAIL



KEHIJAUAN Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah di Shah Alam yang kaya dengan khazanah rimba.

SHAH ALAM: Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah walaupun semakin mengecil selepas diwartakan sebanyak 21 kali, masih menyimpan khazanah alam unik seperti 29 jenis haiwan dan lebih 400 tumbuhan berbeza.

Penemuan penerokaan tersebut berjaya dirakamkan penyelidik daripada Perbadanan Hutan Komunikasi Shah Alam (SACF) yang menjalankan penyelidikan khusus terhadap flora dan fauna di situ menggunakan kamera khas bagi mengesan kehidupan liar di sana.

Berucap kepada Utusan Malaysia, penyelidiknya, Dr. Lim Teck Wyn berkata, suatu yang dikekalkan bersama Pusat Penyelidikan dan Konservasi Hutan Hujan Tropika (TRCRC) itu menemukan sebanyak 446 spesies tumbuhan yang turut menjadi sumber rantaian makanan dan habitat kepada hidupan liar dalam hutan berkenaan.

Katanya, antara tumbuhan berharga yang mempunyai nilai tinggi di pasaran ditemukan ialah tongkat ali, gaharu, tualang, kempas dan jelutung.

"Terdapat haiwan-haiwan dilindungi dan sukar ditemui seperti harimau bintang, kera, kucing bata, musang jelarang, pelanduk dan akar, anjing has, tupai kerengga, burung beluru, kelupur dan pentol, ayam hutan, biawak air dan ular tikus.

"Memang berlaku pembersihan sebahagian kawasan hutan di sana, tetapi ada tempat yang memerlukannya pihak seperti ini-rosebabkan haiwan-haiwan ini hidup wujud dan menjadikan hutan berkenaan sebagai habitat mereka.

"Kami juga turut kaji kajian flora di sana, ada lebih daripada 400 jenis pokok dan herba di kawasan berkenaan, termasuk tumbuhan makanan untuk haiwan. Haiwan di sana boleh dikira wujud satu populasi di sana yang masih hidup dalam Hutan Bukit Cerakah," katanya.

Tambah Teck Wyn, terdapat enam lokasi kamera dikesan di rimba ini termasuk di bahagian utara, berhampiran Rayuan Heights, Temperger Subang dan Taman Botani Shah Alam.

Bagaimanapun, beliau menekankan kebimbangan terhadap perluasan pembinaan yang merancang peruntukan bukit hutan sehingga mempengaruhi kesedaran pada haiwan liar.

"Kami prihatin risau juga dengan beberapa pembinaan di sini. Terdapat kesan jerat pada kaki seekor tapir yang cedera akibat terkena perangkap.

"Terdapat kawasan dinari pembinaan, mungkin kerana tidak tahukan mereka sendiri melanggar sempadan diaturkan. Namun kamera kini telah ditempatkan di kawasan-kawasan berkenaan untuk pemantauan dan penyelidikan," jelasnya.

Menggunakan Mekanisme pada 19 September 2021 melaporkan kehilangan Hutan Simpan Kekal Bukit Cerakah semakin mengecil apabila dalam tempoh 96 tahun sejak 1924 hingga 2020 meneliti pewartaan sebanyak 21 kali membabitkan kawasan seluas 12,850.48 hektar.

Mengikut Warta Kerajaan Selangor, penyiwartaan terbaru di sekeliling pada 1990 melibatkan tanah seluas 6.5 hektar merangkumi kawasan Felda Bukit Cerakah dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam.

SACF MAHU BAWA ISU PEWARTAAN KE MAHKAMAH

Sementara itu, Teck Wyn berhasrat membawa isu pembangunan di hutan tersebut ke mahkamah bagi menentang bukit berlaku penyiwartaan terhadap sebahagian kawasannya.

Langkah tersebut diambil selepas pentadbiran tersebut masih berbeza.

Kata beliau, sehingga kini dakwaan warta masih belum diterbitkan, justeru wujud kerajaan terhadap status kawasan hutan berkenaan yang rancak dengan kerja-kerja pembersihan bagi pembinaan kawasan perumahan.

"Ketika ini memang langsung tiada maklumat rasmi dalam menamatkan kawasan hutan berkenaan diterbitkan termasuk bukit mengalami sebahagiannya sudah diwartakan sebagai hutan simpan.

"Saya merasang tidak faham, kalau sudah diwartakan lama, tetapi belum diterbitkan, bagaimana proses seperti itu berlaku. Sepatutnya dari undang-undang, warta itu perlu diterbitkan sebagai dokumen kerajaan. Jadi, kami terpaksa pergi ke mahkamah," katanya.

Warta kerajaan seperti tersebut turut merangkumi hutan berkenaan membabitkan kawasan seluas 101.32 hektar masih berjiran termasuk berhampiran penempatan Kampung Bukit Cheraluk dan Jalan Pulo yang diberitahukan dipercayai untuk dijadikan kawasan perindustrian.

Dalam pada itu, Teck Wyn menambahkan, SACF kini sedang mendapatkan sokongan daripada orang ramai terutama penduduk awam bagi memperkukuhkan. Tambahan terhadap pembelaannya, ISHAC dapat dibawa ke mahkamah.